



NOTIS MAKLUMAN

PENAMBAHBAIKAN PEMAKLUMAN STATUS PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN PELANGGAN LPPSA

Berkuatkuasa 17 November 2025, LPPSA telah melaksanakan perubahan kepada dokumen dan pemakluman status permohonan pembiayaan perumahan pelanggan seperti berikut:-

- a. Pemberhentian Salinan Kepada (*Carbon Copy*) Ketua Jabatan di dalam Surat Tawaran Pembiayaan, Surat Pembatalan Pembiayaan, Surat Penolakan Pembiayaan, Surat Pindaan Kelulusan Pembiayaan dan Surat Rayuan Pembiayaan; dan
- b. Pemakluman status permohonan pembiayaan pelanggan secara terus kepada Ketua Jabatan melalui emel yang didaftarkan semasa permohonan pembiayaan secara atas talian.

Sehubungan itu, pelanggan bertanggungjawab memastikan kesemua dokumen pembiayaan yang diterima diserahkan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan pengemaskinian maklumat pembiayaan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

Penambahbaikan ini dibuat selaras dengan komitmen LPPSA untuk melindungi privasi pelanggan serta memastikan data peribadi pelanggan dikendalikan dengan bertanggungjawab mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

1 DISEMBER 2025